



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA
ISNIN , 30 APRIL 2018**

1. PROGRAM JUALAN SAYUR PETIK SENDIRI DARI LADANG – KOSMO, KOMUNITI, 50
2. RACUN PEROSAK DARI SUMBER ASLI – SINAR, INOVASI , 49
3. FAMA SASAR 50 PASAR TANI DI KAWASAN MASJID – KOSMO , NEGARA, 16
4. EYEING A FRUITFUL ROUTE DOWNSTREAM – THE STAR, SME Biz, 10
5. CAKNA PEMBANGUNAN PENDIDIKAN KEMAMAN – SINAR , ONLINE
6. KENALI DUA KERUSI PANAS PARLIMEN PETRA JAYA DAN MAS GADING – ASTRO AWANI, ONLINE
7. OPTIMIS TSUNAMI 1999 AKAN BERULANG – SINAR, ONLINE
8. JELASKAN BAGAIMANA PAKATAN MAHU BERI PENDIDIKAN PERCUMA – AGENDA DAILY , ONLINE

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.4.2018	KOSMO	KOMUNITI	50

Program jualan sayur petik sendiri dari ladang

JOM PETIK. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah mengadakan program jualan sayur petik sendiri dari ladang di Kebun Komuniti Jalan Tuntung Seksyen 20, Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Selain memberi peluang kepada orang ramai untuk memetik dan mendapatkan sayur-sayuran sendiri



dengan harga lebih murah, dan segar, program ini juga dapat mengeratkan

hubungan silaturahim dalam kalangan pelbagai masyarakat di Shah Alam ini.

Sebanyak 10 kebun dibuka kepada orang ramai untuk mempopularkan aktiviti tersebut agar dapat menggalakkan mereka memakan sayur serta mengurangkan ketergantungan kepada sayur import.



SEBAHAGIAN daripada ahli-ahli MBSA bergambar bersama penduduk selepas program jualan sayur petik sendiri dari ladang di Shah Alam baru-baru ini.

Serangga boleh menyebabkan 26 hingga 100 peratus kerosakan pada tanaman. Jika dikesan, ia akan menyebabkan kerugian yang besar.

Keberhasilan petani pula masih lagi menggunakan racun perosak berasaskan bahan kimia untuk memastikan tanaman sayuran tidak rosak.

Lebih membekalkan, mantan Pengarah Pusat Penyelidikan Bio-diversiti dan Persekitaran, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (Mardi), Danuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani, terdapat petani yang tidak mematuhi prosedur ditetapkan ketika proses semburan racun perosak dan tawar.

"Sebaik tanaman disembur dengan racun perosak, ia memerlukan satu tempoh sebelum boleh dituai. Tetapi ada petani yang tidak memahaminya dan terus mengutip hasil. Ini menyebabkan sisa racun masih terdapat pada tanaman sayuran tadi."

"Racun perosak ini bukan sahaja membahayakan kesihatan manusia tetapi boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar jika penggunaannya tidak dikawal" katanya.

Mengambil kira faktor ini, Mardi membangunkan formula tidak balas virus dikenali sebagai Formula Madi Virus Nuklear Polihedrosis (FMNPV) yang berupaya mengawal serangan serangga pada tanaman sayur-sayuran.

Secara tidak langsung ia dapat membantu petani mengurangkan keberkesanan terhadap racun perosak. Malah ia lebih menjimatkan masa dan petani boleh terus melakukan proses tawar.

Sebelum penghasilan FMNPV, Mardi membangunkan rumusan virus nuklear polihedrosis (NPV), ia mempunyai tahap epiteloid yang tinggi, selarut kepada serangga manula (pupa) dan pempang) kerana sifat khususnya terhadap serangga perumah serta mesen alam.

Kajian awal mengenai NPV di Mardi melibatkan kerjasama erat dengan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia.

"Dalam kajian-kajian terdahulu didapati larutan NPV dan formula Spodoptera litura NPV (SNPV) dalam bentuk serbuk beku untuk mengawal ulat rusa (larva S Litura) dalam persekitaran makmal dan lapangan."

"Bagaimanapun larutan NPV dan FNPV



MOHAMAD ZABAWI

Racun perosak dari sumber asli

Inovasi mesra alam rintis penyelidikan biopestisida berasaskan virus

hanya berkesan pada larva S Litura, sedangkan pada sekatan lapangan, tanaman krusifer boleh dirusaki dengan pelbagai jenis ulat Lepidoptera yang lain," katanya.

Ditambah lagi:

Untuk mendapatkan hasil yang diinginkan, FNPV telah ditambah baik dengan menggabungkan beberapa strain NPV Lepidoptera, pembawa dan pelindung UV yang teralih untuk dijadikan Formula Madi Virus Nuklear Polihedrosis (FMNPV).

Larutan campuran (MNPV) dikeringkan kepada bentuk serbuk dengan menggunakan teknik pamarasan atau penyejukan di makmal.

"Uji keji penentaman keberkesanan



Ulat ulat diwarikan makanan lada. Virus akan diambil daripada ulat yang telah mati untuk proses seterusnya.

FMNPV dilakukan ke atas serangga perosak Lepidoptera utama bagi tanaman krusifer iaitu ulat rusa-rusa belahang litan (piktetella syonella), ulat jalur (bellula undula), ulat rusa (s litura) dan ulat jantang kuba (crocidolepis binotata) pada persekitaran makmal dan lapangan.

"Uji keji penentaman keberkesanan juga dilaksanakan selama 12 bulan bagi memastikan jangka hayat FMNPV yang ditawar pada ulat lada. Dan hasil kajian mendapati FMNPV berkesan dalam mengawal larva serangga perosak sesaat dengan pengurangan infestasi sebanyak 86.2 peratus," katanya.

Tambahan Zabawi, inisiatif ini merupakan satu lagi inovasi mesen alam yang menggunakan teknologi hijau. Madi antara inisiatif penyelidikan rintis di negara ini yang menghasilkan virus daripada ulat sebelum di proses menjadi cecair dan serbuk.

Menerusi Zabawi, FMNPV dihasilkan khusus untuk memusnahkan serangga perosak pada sayuran seperti kuba, sawi, kacang, bunga kuba, brokoli, kuba cina, serang cil, keladi, belimbing dan bendi sekali-gus mampu mengurangkan kerosakan pada tanaman sayuran sehingga 90 peratus.



Larutan campuran (MNPV) sebelum ditawarkan kepada petani serbuk dengan menggunakan teknik pamarasan atau penyejukan di makmal.



10 gram serbuk dengan bancuhan sebanyak 10 liter air boleh digunakan bagi semburan tanaman sayuran selama satu aca.

Dilancarkan akhir tahun 2018

FMNPV dijangka dilancarkan akhir tahun ini bersama-sama Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (Maha) 2018 pada 22 November hingga 2 Disember akan datang.

"Untuk pasaran pula, FMNPV mempunyai potensi kerana keberkesanannya menghapuskan perosak sayuran."

"Madi juga sedang mencari syarikat yang berminat untuk menjual usula serta bagi memasarkan produk ini ke seluruh negara," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Mardi juga telah membangunkan kertas kerja 'Madi Virus Biopestisida Formulasi for Crucifer Lepidoptera Pest' pada Peridangan Biologi Mikrobial Asean Ke-3 2018, yang diadakan pada 24 hingga 26 April baru-baru ini di Kuching, Sarawak.

"Selaku tuan rumah, peridangan ini merupakan platform bagi rangkaian kerjasama dalam penyelidikan bioteknologi mikroba di kalangan penyelidik uterapan dan negara-negara Asean dengan rakan-rakan antarabangsa."

"Ia juga sebagai platform untuk bekongsi pengalaman penyelidikan dan teknologi terkini mengenai peribergan dan penggunaan mikroba untuk aplikasi bioteknologi dan kesm terhadap ekosistem," katanya.



Danuk Dr Mohamad Zabawi, Pusat Penyelidikan Bio-diversiti dan Persekitaran, Mardi sedang menunjukkan kepada petani bagaimana pengendalian proses mengumpul.

FAMA sasar 50 pasar tani di kawasan masjid

Oleh AKMALAZIZ

KUALA LUMPUR – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan sebanyak 50 buah pasar tani dalam kawasan masjid akan diwujudkan di seluruh negara menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak berkata, jumlah tersebut adalah berdasarkan kepada purata pasar tani masjid yang akan dibuka oleh setiap negeri.

Katanya, sehingga April ini, sebanyak tiga buah pasar tani telah dibuka iaitu di Pasar Tani Masjid Saidina Hamzah di Kampung Batu Muda, Kuala Lumpur; Pasar Tani Masjid Saidina Umar al-Khattab, Bukit Damansara dan yang terbaharu Pasar Tani Masjid Khalid al-Walid di Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF).

"Kami menganggarakan setiap negeri akan mempunyai tiga atau empat buah pasar tani masjid pada penghujung tahun ini.

"Berdasarkan jumlah tersebut, kita yakin untuk mencapai jumlah pasar tani masjid secara keseluruhannya sebanyak 50 buah



AHMAD (tiga dari kiri) dan Kamarudin (dua dari kanan) bergambar selepas merasmikan Pasar Tani Masjid Khalid al-Walid di MINDEF, Kuala Lumpur semalam.



dan ia seterusnya menyumbang kepada keseluruhan jumlah pasar tani yang ada pada masa kini sehingga akhir tahun 2017 iaitu 712 buah" katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Pasar Tani Masjid Khalid al-Walid di MINDEF dan Jimat Belanja Dapur semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Kor Angkatan Tentera (KAGAT) yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pusat Masjid Khalid al-Walid, Jeneral Datuk Kamaru-

din Mamat.

Menurutnya, masjid bukan lagi hanya bertumpu sebagai institusi untuk melaksanakan ibadah semata-mata malah ia juga boleh dijadikan sebagai sumber ekonomi buat kariah dan penduduk setempat.

"Nilai jualan bagi pasar tani masjid mampu mencapai sehingga melebihi setengah juta ringgit untuk jangka masa setahun.

"Jika dibandingkan dengan pasar tani biasa, sudah pasti ia menyumbang angka yang lebih besar. Namun, kita tidak boleh menafikan jualan pasar tani masjid dapat mencecah sehingga RM15,000 seminggu," ujarnya.

Eyeing a fruitful route downstream

Durian-based products manufacturer on the lookout for partners to expand

By C.H. GOM
starsmebiz@thestar.com.my

LOCAL durian and fruit-based food manufacturer Top Fruits is planning to expand its downstream operations. Director Iris Tan Sing Boon says some of the downstream activities it is eyeing include processing durian pulps and durian-based frozen food for exports.

However, Tan is open to having partners – in the form of strategic investors – joining her in her expansion plans.

An ideal strategic partner include upstream durian plantation companies with access to raw material supplies or food manufacturers looking to diversify into durian-based products, Tan says.

She adds that potential strategic partners could also help in expanding its upstream business by acquiring plantation land.

While the company welcomes advisors with the necessary match-up, Tan says it is important that current stakeholders maintain a majority control in Top Fruits to ensure continuity in the company's operations and business direction.

The company is planning to spend around RM30mil this year to expand its manufacturing and research and development capabilities. This will help in its endeavour to expand its range of products and increase sales.

For example, frozen durians have a much longer shelf life compared to fresh durians. Frozen durians have an expiry date of up to two years while the fresh fruit can only last five to seven days.

This means that although the durian is seasonal, it can now be made available throughout the year. This also means that sales can be done all year round and not hinged on peak seasons alone.

The investment will also allow Top Fruits to showcase its technologies in durian farming and enable the company to share and transfer knowledge to the industry.

Top Fruits has set up a subsidiary in Sarawak to help the state government set up the durian plantation industry and export of durian paste.

Its efforts will drive economy in the state.

Note that Malaysia's total export value for frozen durian and frozen durian paste



In control: Tan says it is important to maintain control over the company's operations and business direction.

last year was RM130mil, according to the Agriculture Ministry. The main export markets for durians and durian-based products include China, Singapore, Indonesia, Hong Kong, Canada, the US and Australia.

Interest in durian plantation and durian-based food manufacturing businesses has increased substantially in the past few years, mainly due to the huge demand from China, where Malaysian varieties of the fruit is particularly popular, according

to news reports.

Top Fruits has more than 30 years' experience in growing durian trees and in processing the fresh fruits into paste and other products.

Besides exporting frozen durians, Top Fruits manufactures durian-based food products such as durian mochi, mooncake, ice cream, spring roll, pies and bean curd. Its top export destinations include Indonesia and Hong Kong.

The company also produces other local

fruits such as mangosteen, rambutan and honey jackfruit.

Top Fruits currently has more than 80 workers and the company expects to record more than RM25mil in revenue this year.

At the moment, Top Fruits, founded by Tan's father in 1989, is fully owned by her family.

Some of its local peers include Hernan Corp, Super Fruit, Musang Durian Food Manufacturer and Foodwise Network.

Cakna pembangunan pendidikan Kemaman



Idris (tiga, kiri) dan para guru ceria diraikan Ahmad Shabery (empat kiri) pada sambutan Hari Guru Peringkat Parlimen Kemaman 2016.

KEMAMAN - Guru menjadi individu penting dalam usaha melahirkan modal insan yang menyumbang kepada pembangunan di Kemaman.

Menyedari keadaan itu, calon BN Parlimen Kemaman yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek sentiasa memberi tumpuan terhadap guru, malah penganjuran majlis sambutan Hari Guru peringkat daerah oleh beliau juga sudah menjadi tradisi sejak lima tahun lalu.

Ahmad Shabery berkata, guru berkorban tenaga, masa dan wang ringgit semata-mata untuk melahirkan modal insan yang terbaik.

Tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan guru-guru adalah cukup penting bagi memastikan kita dapat melahirkan orang yang berguna yang dapat mencurahkan kembali jasa dan bakti kepada Kemaman.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.4.2018	ASTRO AWANI	ONLINE	

Kenali dua kerusi panas Parlimen Petra Jaya dan Mas Gading

[Malissa Sahari](#), Astro Awani | 📅 April 29, 2018 12:56 MYT



Siapakah calon yang berjaya menambat hati pengundi menjelang 9 Mei ini.

KUCHING: Selepas lima tahun, debaran kian terasa selain tarikh 9 Mei bakal jadi penentu.

Siapa yang bakal bergelar pejuang di kerusi yang diwakili masing masing?

Untuk itu, ambil masa dan peluang anda sebagai rakyat serta pengundi. Kenali, fahami dan dalami lebih dekat selain rapat siapa di sebalik dua kerusi 'PANAS' di Sarawak sempena PRU-14?



Datuk Anthony sekali lagi tercalon untuk kerusi panas Mas Gading.

Pertama kali dipilih sebagai wakil rakyat pada PRU-13 pada 2013.

Datuk Anthony Nogeh Ngumbek sekali lagi tercalon untuk kerusi panas Mas Gading.

Merupakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

KOMITMEN BESAR NOGEH

Projek pembangunan yang diwujudkan :

- infrastruktur jalan raya
- projek paip air graviti
- projek komuniti melibatkan gereja-gereja
- terbaharu, projek pertanian termasuk penanaman
- nanas MD2 dan pengeluaran durian Musang King

Advertisement

PRU-14 : NOGEH - MORDI

Bertemu empat mata dengan saingan rapat beliau dari DAP, Mordi Bimol pada penggal lepas.

Sejauh mana panas kerusi P.192?

Adakah konsep turun padang dan sentiasa ambil tahu mengenai masyarakat menjadikan Mordi, pilihan penduduk di situ?



Datuk Seri Fadillah Yusof nampak gayanya terus menjadi calon kesayangan mewakili BN pada PRU14.

Mendapat mandat tiga penggal untuk mempertahankan kerusi P.194, Datuk Seri Fadillah Yusof nampak gayanya terus jadi 'favourite' mewakili BN - PBB pada PRU-14.

Namun, berlaku pertembungan tiga penjuru antara calon PAS, BN dan PH.

KOMITMEN BESAR FADILLAH

Meneruskan kesinambungan pembangunan fizikal khususnya infra rakyat dan sosial termasuk menyediakan lebih banyak rumah mampu milik.

Selain itu, memperluaskan peluang perniagaan, pekerjaan, merencanakan pembangunan modal insan, pendidikan, latihan kemahiran dan sahsiah.

PAS: CALON MUKA BAHARU DAN TERMUDA

Tentangan hebat bakal tercetus. Perbezaan umur begitu ketara melibatkan tiga calon ini.

Calon termuda daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Sarawak baharu berusia 31 tahun.

Hamdan Sani, anak jati Kampung Samariang Jaya, Petra Jaya. Beliau merupakan Pengarah Institut Perguruan PASTI Negeri Sarawak.

Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Biologi daripada Universiti

Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.



Hamdan Sani, (tiga kanan) merupakan calon termuda daripada Pas untuk kerusi Parlimen Petra Jaya.

PKR PERTARUH MUKA BAHARU

Sementara itu, Pakatan Harapan (PH) mempertaruhkan calon muka baharu daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Dr Ir Irwan Ahmat Nor, 41 tahun.

Memiliki ijazah kedoktoran dalam bidang kejuruteraan awam, Datuk Dr Ir Irwan berasal dari Kampung Laruh Skim, Petra Jaya.

Bersandarkan keyakinan, "Mata Biru Yakin Peluang Petra Jaya 50-50", adakah beliau mampu menarik perhatian pengundi kelak?

Atau mungkin beliau mampu bersaing dengan Naib Presiden Kanan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB)?

ISU YANG DIBANGKITKAN

Kita lihat antara keputusan dan peningkatan undi di P.194 pada 2008.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.4.2018	SINAR	ONLINE	

Optimis tsunami 1999 akan berulang

RAIHAM MOHD SANUSI

29 APRIL 2018



Che Alias (kiri) bergambar bersama Ahmad Shabery (tengah) dan Huzaifah selepas menyerahkan borang pencalonan pada penamaan calon P040 Parlimen Kemaman semalam.

KEMAMAN - Pas optimis suasana politik pada 1999 yang menyaksikan parti mereka menang besar di Kemaman dan Terengganu akan berulang semula pada PRU14 ini.

Calon Pas Parlimen Kemaman, Che Alias Hamid berkata, keyakinan itu berdasarkan respon yang diterima daripada rakyat dan kehadiran kira-kira 5,000 penyokong mereka pada perarakan calon Pas Parlimen Kemaman sempena penamaan calon semalam.

Katanya, sekarang Pas menerima sokongan padu dan sokongan itu dinyatakan rakyat hasil kunjungan ke setiap peti undi di daerah ini.

"Dengan pelbagai isu nasional terutama tekanan hidup rakyat ekoran cukai barang dan perkhidmatan (GST), memang rakyat sudah tidak tahan dan mereka menyatakan sokongan terhadap Pas kerana dalam manifesto, Pas juga berjanji akan menghapuskan GST.

"Kita hapuskan GST dan perkenalkan cukai korporat dan pemegang saham dan berdasarkan kajian yang kita lakukan, kutipan cukai ini dijangkakan sebanyak RM51 bilion kalau nak dibandingkan dengan GST yang jumlah kutipannya RM41 bilion," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas penamaan calon BN P040 Parlimen Kemaman di Majlis Perbandaran Kemaman (MPK), Cukai, semalam.

Pada PRU 1999, Pas menang di kerusi Dun Cukai, Kijal dan Air Putih manakala kerusi Parlimen pula dimenangi PKR.

Che Alias yang juga Yang Dipertua Pas Kawasan Kemaman berkata, cukai yang mahu diperkenalkan Pas lebih baik dan tidak membebankan tidak seperti GST yang perlu dibayar hampir 99 peratus rakyat termasuk rakyat berpendapatan rendah.

Sementara itu, menyentuh mengenai pertandingan beliau di kerusi Parlimen Kemaman, Che Alias, 52, memberitahu ia adalah pertandingan semula Pas di kerusi Parlimen Kemaman selepas enam penggal tidak bertanding di kerusi itu.

"Enam penggal kita tak bertanding di kerusi Parlimen Kemaman kerana selama empat penggal ia ditandingi PKR dan dua penggal oleh Semangat 46.

"Dengan slogan Kemaman Sejahtera, Setia Bersama, jika dipilih rakyat susah payah kita akan tetap bersama rakyat," katanya.

Bagi kerusi Parlimen Kemaman, Che Alias akan berdepan calon BN, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan calon PKR, Huzairah Md Suhaimi.

Jelaskan bagaimana Pakatan mahu beri pendidikan percuma

TERAKHIR DIKEMASKINI 30 APRIL 2018

[in](#) Share [Tweet](#) [G+](#)

[Suka](#) [Kongsi](#) [Daftar untuk melihat apa yang rakan-rakan anda sukai](#)



Sembang

kencang... namun pihak pembangkang sepatutnya memberi penjelasan yang lebih terperinci daripada sudut ekonomi sekiranya benar-benar mahu memberi pendidikan percuma dan menghapuskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Ahli Majlis Tertinggi UMNO Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata sehingga kini tiada hujah yang beras daripada pihak pembangkang sebaliknya hanya menggunakan manifesto bagi menarik perhatian dan sokongan daripada rakyat.

"Sebenarnya banyak perkara yang tidak konsisten dikalangan parti pembangkang tentang pendidikan di negara kita, satu masa dia nak jadi populis dengan mengistiharkan akan memberikan pendidikan percuma daripada peringkat rendah sampailah peringkat tertinggi .

"Dalam bahagian pendidikan negara kita sudah percuma sehingga peringkat sekolah menengah dan peringkat tinggi, apa yang dikenakan dari segi bayaran adalah sebahagian kecil adalah dari kos sebenar sebab itu universiti awam kita adalah antara yang menerima bayaran terendah," katanya.

Tambah beliau lagi, pihak pembangkang perlu menunjukkan terlebih dahulu bagaimana cara untuk mereka membiayai segala kos pendidikan sekiranya GST dihapuskan.

"Jadi kalau mereka ingin berikan semuanya percuma mestilah ada sesuatu yang bermodal ekonomi. Di negara luar seperti Jerman, dan Eropah pendidikan mereka percuma tetapi cukai yang dikenakan adalah sangat tinggi dari apa yang dikenakan di sini.

"Untuk memberi pendidikan percuma mesti dilihat dari segi apakah yang percuma dan juga hal lain yang berkaitan dengan kualiti pendidikan, untuk memberikan pendidikan yang baik ada kos yang diperlukan," katanya.-30/4/2018